

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
Dalam Perkara Seksyen 257 & 263 Kanun Tanah Negara 1965, PTKS.1C/8/2023 (12)

ANTARA
SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD (NO. SYARIKAT.: 49572-H)

...PEMEGANG GADAIAN

DAN

AMINAH BINTI HAJI ABD AZIZ (NO KP LAMA:1197386)

...PENGGAJAI

Menurut perintah Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan yang diperbuat dalam perkara diatas bertarikh 29hb Februari 2024, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah:-

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS, 02HB MEI 2024, JAM 10.00 PAGI

DI DEWAN DATO' PENGGAWA PERMATANG, PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR,
KOMPLEKS KERAJAAN DAERAH KUALA SELANGOR, JALAN SEMARAK,
45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah Kuala Selangor sebelum lelong di buat.

BUTIR BUTIR HAKMILIK

NO HAKMILIK	:	GM2051
NO. LOT	:	Lot 1168
MUKIM/DAERAH/NEGERI	:	Jeram/Kuala Selangor/Selangor
TEMPAT	:	S.BAKUL
PEGANGAN	:	Selama-lamanya
KELUASAN	:	0.2276 Hektar (0 Ekar 2 Rood 10.0000 Pole.)
CUKAI TANAH	:	RM7.00
KEGUNAAN	:	Pertanian
PEMILIK BERDAFTAR	:	AMINAH BINTI HAJI ABD AZIZ (NO K/P LAMA: 1197386) – 1/1 Bahagian
SYARAT-SYARAT NYATA	:	Tanaman kelapa
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tiada
BEBANAN	:	Digadaikan kepada Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad, No Perserahan 73/1984 didaftarkan pada 24.01.1984
KAWASAN RIZAB	:	PENGISYTIHARAN REZAB MELAYU

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah berkenaan adalah sebidang tanah pertanian yang mempunyai alamat di Lot No. 1168 , Off Jalan Kapar-Jeram, 45800 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.

HARGA RIZAB

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada harga rizab sebanyak RM240,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS EMPAT PULUH RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Setiap penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki mendepositkan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab dalam bentuk BANK DERAJ di atas nama SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD sebelum 9.30 pagi pada hari lelongan dan baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 30 Ogos 2024 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; kepada SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD.

Untuk butir selanjutnya, sila berhubung dengan Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor atau Tetuan Shahriza Shukor & Co, Peguambela dan Peguamcara bagi Pihak Pemegang Gadaian yang beralamat di B-10-29, Empire Soho, Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor. Tel : 03-5631 8508 [Ruj : 2204.1.007.SME-59], atau kepada Pelelong yang tersebut dibawah:-

TASIK AUCTIONEER

56-1-A, Jalan 7A/2,
Bandar Tasik Puteri, 48020,
Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Email : tasikauctioneers@gmail.com
[Ruj : TA/24/02(B)]

ISMAIL BIN MOHD AZLAN

Pelelong Berlesen
Tel: 03-6087 2000
HP: 014-3012272